

**168 Aduan Berkaitan PRU Diterima Di Pahang**  
**Bernama**  
**30 April, 2013**

KUANTAN, 30 April (Bernama) -- Pihak polis menerima 168 aduan berkaitan pilihan raya umum ke-13 (PRU-13) di Pahang sejak 4 April lepas sehingga semalam, kata Ketua Jabatan Pengurusan Ibu Pejabat Polis Kontingen Pahang, ACP Anuar Osman.

Beliau berkata antara laporannya ialah berkaitan membakar bendera dan pos gerakan parti, pergaduhan dan ugutan.

"Dua kejadian membakar pos gerakan parti diterima di Taman Sri Mahkota, Kuantan pada 19 April lepas dan di Kampung Padang, juga di Kuantan pada 27 April lepas.

"Setakat ini tiada tangkapan dilakukan," katanya kepada pemberita.

Anuar berkata pihak polis tidak akan berkompromi dan akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang menyalahi undang-undang pilihan raya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=946353>